

200 tokoh PAS kunjungi PM esok

Oleh
SUHAIMI ASMAWI

ALOR SETAR, Isnin — Seramai 200 orang tokoh PAS yang mewakili lebih 3,000 ahlinya di kawasan Kubang Pasu akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di rumahnya di Titi Gajah di sini untuk berikrar memberi sokongan penuh kepada Barisan Nasional pada Rabu ini pada jam 8 malam.

Setiausaha pilihanraya kawasan Parlimen Kubang Pasu, Ustaz Abu Bakar bin Hussein memberitahu Berita Harian hari ini, tokoh-tokoh PAS itu mewakili zon-zon Kepala Batu, Tanah Merah, Binjai, Changloon dan Tunjang.

Beliau berkata, mereka akan berikrar menyokong pucuk pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir yang telah banyak membawa perubahan khususnya dalam usaha meninggikan syiar Islam termasuk projek pembinaan Universiti Islam Antarabangsa di negara ini.

Ustaz Abu Bakar yang juga Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu berkata, tokoh-tokoh PAS yang berpaling tadah itu akan menyokong UMNO kerana mereka telah insaf terhadap perjuangan PAS yang tidak mungkin dilaksanakan bahkan semata-mata menguntungkan beberapa orang pemimpin PAS sahaja.

Menurutnya, perkembangan ini amat menggalakkan dan diduga Perdana Menteri akan mencapai kemenangan yang lebih besar dan dijangka penantangannya, Haji Yusuf Rawa akan mengalami kekalahan teruk.

"Saya harap banyak lagi pemimpin-pemimpin PAS di kawasan itu khasnya dan seluruh negara umumnya segera mengikuti jejak langkah kawan mereka dengan memasuki UMNO," katanya.

Ustaz Abu Bakar berkata, lebih 3,000 orang ahli PAS yang berpaling tadah kepada UMNO di kawasan itu beberapa bulan lalu kini telah bekerja keras menjalankan gerakan kempen mereka untuk menarik lebih ramai lagi ahli-ahli PAS menyokong UMNO dengan memberikan undi kepada Datuk Seri Dr. Mahathir di dalam pilihanraya pada 22 April ini.

Katanya, UMNO bahagian itu juga berjaya menembusi sebuah kubu PAS di kawasan Tunjang selepas hari penamaan calon.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri

No. Penerimaan